



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami
Kesan Terhadap Pasaran Buruh”

24 JULAI 2025

**FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**





LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Disediakan oleh:

**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LPPKN Negeri Sembilan**

4 September 2025

-  Telefon : 06-6014 440
-  Faks : 06-6014 442
-  Emel : lppkn.ns@lppkn.gov.my
-  Facebook : LPPKN Negeri Sembilan

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	4
2.0 UCAPAN ALUAN	6
3.0 UCAPAN PERASMIAN	8
4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	12
KERTAS 1: <i>Obesity, Subfertility, and Fetal Programming: A Vicious Cycle</i>	13
KERTAS 2: Transisi Demografi dan Kesan Terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia	14
KERTAS 3: Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara	16
Taklimat Kesuburan Dan Program Rawatan Kesuburan & Advokasi Infertiliti (BuAI).....	18
5.0 FORUM KEPENDUDUKAN	22
“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh” 22	
6.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN	32
7.0 PROMOSI	34
7.1 MEDIA CETAK.....	34
7.2 MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL	39
7.3 LIPUTAN MEDIA	42
7.3.1 PENURUNAN KADAR KESUBURAN FOKUS UTAMA PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN –Berita RTM, 24 Julai 2025	42
7.3.2 NEGERI SEMBILAN KOMITED TANGANI ISU KESUBURAN – Berita RTM, 26 Julai 2025	43
8.0 MAKLUM BALAS PESERTA	44
9.0 SOROTAN BERGAMBAR	45
9.1 PENDAFTARAN PESERTA	45
9.2 SESI PEMBENTANGAN	46
9.3 SESI FORUM.....	48
9.4 PAMERAN	49

1.0 PENDAHULUAN

Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang sedang mengalami perubahan demografi yang ketara dalam dekad kebelakangan ini. Walaupun negeri ini mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang stabil serta menunjukkan kemajuan dalam sektor perkhidmatan, perindustrian dan pelancongan, corak pertumbuhan penduduk yang baharu memperlihatkan beberapa cabaran strategik yang perlu ditangani secara bersama oleh Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak berkepentingan.

Berdasarkan Laporan Perangkaan Penting 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau *Total Fertility Rate (TFR)* Negeri Sembilan bagi tahun 2022 adalah sekitar 1.7 anak bagi setiap wanita, iaitu di bawah paras penggantian penduduk 2.1 anak. Pada masa yang sama, negeri ini mencatatkan peningkatan peratusan warga emas berusia 60 tahun dan ke atas, selari dengan trend penuaan penduduk di Malaysia. Fenomena ini dijangka memberi implikasi besar terhadap struktur umur, saiz isi rumah, pasaran kerja, sistem sokongan sosial serta keperluan perkhidmatan kesihatan dan kebajikan pada masa hadapan.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan ialah kadar perkahwinan lewat, peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja, akses lebih luas kepada pendidikan tinggi, dan kesedaran terhadap perancangan keluarga. Walaupun perkembangan ini membawa banyak manfaat dari segi pemerksaan wanita dan pembangunan modal insan, ia juga menuntut tindakan strategik untuk memastikan keseimbangan demografi dan kelestarian pembangunan negeri.

Sehubungan itu, penganjuran Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 adalah amat bertepatan pada masanya. Seminar yang dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, KPJ Healthcare University dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertemakan "*Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi : Memahami Kesan terhadap Pasaran Buruh*".



SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi : Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh”

Dirasmikan Oleh :

YB DATO' NOORZUNITA BEGUM BINTI MOHD IBRAHIM

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan

24 JULAI 2025 | KHAMIS | 11.30 PAGI

AUDITORIUM FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN, USIM



Rakan Kerjasama :



Objektif seminar adalah untuk mengupas secara menyeluruh isu dan cabaran dinamika kependudukan semasa, seterusnya menghasilkan cadangan strategik yang dapat dijadikan input oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan lain dalam merangka dasar, program intervensi, serta inisiatif komuniti yang bersesuaian. Seminar Kependudukan ini juga turut menjadi platform pertemuan antara penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar dalam usaha bersama memanfaatkan peluang daripada perubahan trend penduduk untuk kesejahteraan Negeri Sembilan.

Laporan ini merupakan rekod penuh dan terperinci Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan yang meliputi semua sesi utama termasuk ucapan aluan, ucapan perasmian, pembentangan kertas kerja dan forum kependudukan. Laporan ini juga disertakan dengan liputan media sebagai rujukan dan dokumentasi rasmi.

2.0 UCAPAN ALUAN

Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 peringkat Negeri Sembilan telah diserikan dengan ucapan aluan oleh Encik Adzmel bin Mahmud, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Kependudukan dan Keluarga, yang mewakili Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Shukur bin Abdullah. Ucapan tersebut dimulakan dengan lafaz syukur ke hadrat Ilahi atas kesempatan untuk bersama-sama menjayakan seminar yang amat signifikan ini. Dalam nada penuh penghargaan, beliau merakamkan terima kasih kepada YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan yang sudi hadir merasmikan seminar ini, serta kepada rakan kerjasama strategik Universiti Sains Islam Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, KPJ Healthcare University, dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah memberikan sokongan tidak berbelah bahagi. Tidak ketinggalan, penghargaan turut diberikan kepada LPPKN Negeri Sembilan yang menjadi tulang belakang penganjuran program ini.

Dalam ucapan tersebut, beliau menegaskan bahawa Hari Penduduk Sedunia yang disambut setiap 11 Julai bukan sekadar ritual tahunan, sebaliknya merupakan platform global untuk menyoroti isu-isu kependudukan yang semakin kompleks.



Tema tahun ini, *“Memperkasa golongan muda untuk membentuk keluarga yang mereka inginkan dalam dunia yang adil dan penuh harapan”*, jelas sekali mencerminkan aspirasi sejagat yang sangat relevan dengan situasi semasa negara. Malaysia kini berhadapan dengan cabaran demografi yang besar iaitu kadar kesuburan yang terus menurun, penuaan populasi yang semakin cepat, dan keperluan mendesak untuk membina tenaga kerja berdaya saing dalam landskap ekonomi dunia yang mencabar. Menurut beliau, perubahan demografi ini bukanlah sekadar angka dalam laporan statistik, tetapi suatu realiti yang sedang membentuk semula wajah masyarakat, dasar pembangunan dan masa depan negara.

Beliau turut menggariskan dapatan penting daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan kadar kesuburan jumlah (TFR) negara menurun daripada 4.9 anak per wanita pada tahun 1970 kepada hanya 1.7 pada tahun 2024, jauh di bawah paras penggantian 2.1. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia, dan jika tidak ditangani, ia akan memberi implikasi serius terhadap keseimbangan struktur sosial, ekonomi, serta kelestarian pembangunan negara. Dalam konteks Negeri Sembilan, dapatan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2022 menunjukkan penurunan skor ketara dalam domain ekonomi keluarga, khususnya kesejahteraan kewangan dan pengurusan kewangan berbanding tahun 2019.

“Penurunan kesejahteraan keluarga adalah isyarat jelas bahawa pengukuhan institusi keluarga tidak boleh lagi dilihat sebagai agenda sampingan, sebaliknya mesti menjadi tumpuan utama dalam perancangan dasar.”

- En Adzmel bin Mahmud
Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

Beliau menutup ucapan dengan penuh harapan bahawa seminar ini akan menjadi titik tolak kepada satu wacana berimpak tinggi, yang bukan sahaja mengupas isu semasa, malah melahirkan idea bernas dan cadangan dasar yang dapat diguna pakai oleh penggubal polisi, ahli akademik serta pelaksana program. Menurut beliau, kekuatan sesuatu negara tidak hanya bergantung pada pertumbuhan ekonomi semata-mata, tetapi lebih daripada itu, ia bergantung pada kekuatan keluarga, kesejahteraan masyarakat, dan daya tahan penduduknya. Dengan penuh yakin, beliau mengajak semua peserta untuk menjadikan seminar ini sebagai ruang memperkasa ilmu, menajamkan wacana, dan bersama-sama mencorak masa depan penduduk Malaysia yang lebih sejahtera, inklusif, dan berdaya saing.



3.0 UCAPAN PERASMIAN

Majlis Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan telah disempurnakan dengan ucapan perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan. Bertempat di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), ucapan beliau membuka tirai seminar yang bertemakan *"Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"*.

Dalam ucapan tersebut, YB Dato' Noorzunita memulakan dengan menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas kehadiran semua pihak yang menjayakan seminar ini yang julung kali diadakan di peringkat Negeri Sembilan. Beliau menekankan bahawa Hari Penduduk Sedunia yang disambut setiap tahun bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang isu kependudukan global, malah mengajak masyarakat untuk menilai semula cabaran yang dihadapi di Malaysia. Tema kebangsaan tahun 2025, *"Memperkasa golongan muda untuk membentuk keluarga yang mereka inginkan dalam dunia yang adil dan penuh harapan"*, turut disentuh sebagai mesej penting. Beliau menegaskan bahawa suara anak muda harus didengar kerana mereka kini berdepan realiti kos sara hidup yang tinggi, tekanan ekonomi, serta perubahan sosial yang mempengaruhi keputusan untuk berkahwin dan berkeluarga.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada LPPKN Negeri Sembilan selaku penganjur utama, dengan kerjasama erat daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, KPJ Healthcare

University serta Universiti Teknologi Mara (UiTM). Menurut beliau, kolaborasi ini mencerminkan kesepaduan ilmu, kepakaran dan sumber daripada pelbagai pihak, yang amat diperlukan dalam menangani isu kependudukan dan kekeluargaan pada era serba mencabar. Kehadiran para peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk jabatan kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik serta masyarakat umum dilihat sebagai simbol solidariti dalam membentuk masa depan keluarga dan penduduk Negeri Sembilan yang lebih sejahtera.

Menyentuh isu semasa, YB Dato' Noorzunita menarik perhatian kepada perubahan struktur demografi Negeri Sembilan. Menurut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk negeri dijangka mencecah 1.23 juta orang pada tahun 2025, dengan majoriti tertumpu di daerah Seremban. Namun, trend penurunan kadar kesuburan yang kini berada pada tahap 1.8 anak per wanita iaitu di bawah paras penggantian. Hal ini memberi isyarat bahawa negeri ini berdepan risiko kekurangan tenaga kerja muda pada masa hadapan. Perubahan ini, menurut beliau, akan memberi kesan langsung terhadap pasaran buruh, produktiviti ekonomi serta keperluan sokongan sosial bagi warga emas.

Sehubungan itu, beliau menegaskan perlunya langkah proaktif diambil, antaranya dengan melaksanakan dasar mesra keluarga, melabur dalam pendidikan serta latihan semula tenaga kerja, menarik bakat luar termasuk diaspora anak Negeri Sembilan, serta memastikan perancangan kependudukan diarusperdanakan dalam dasar pembangunan negeri. Hal ini selari dengan aspirasi Negeri Sembilan menerusi Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) yang menuntut modal insan berkemahiran tinggi, adaptif dan mampu bersaing dalam industri berteknologi tinggi, logistik serta sektor pelancongan.

Mengakhiri ucapannya, YB Dato' Noorzunita menzahirkan harapan agar perbincangan dan pembentangan dalam seminar ini dapat menyumbang kepada penggubalan dasar, pembangunan program intervensi serta strategi negeri yang lebih menyeluruh berasaskan data. Menurut beliau, isu kependudukan tidak boleh dilihat secara terpisah, sebaliknya harus ditangani secara sistematik dengan kerjasama semua pihak. Dengan penuh semangat, beliau seterusnya merasmikan Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025 sambil mengajak semua pihak berganding bahu membina masyarakat yang lebih sejahtera, inklusif dan berdaya tahan.





SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

*“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi :
Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh”*

24 JULAI 2025 | KHAMIS 9.00 PAGI - 11.00 PAGI
Auditorium Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI
dan Advokasi Infertiliti (BuAI)

Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Kepekaran Subfertiliti,
LPPKN



SESI PLENARI

TOPIK 1

*Obesity, Subfertility and Fetal
Programming: A Vicious Cycle*

TOPIK 2

*Transisi Demografi dan Kesan
terhadap Sumber Tenaga Buruh
di Malaysia*

TOPIK 3

*Kesihatan Wanita dan Daya Saing
Ekonomi: Transformasi Digital dalam
Kesedaran Kanser Payudara*



**Dr. Nur Zaireena
Zainal**

Pensyarah Perubatan
Fakulti Perubatan dan Sains
Kesihatan, USIM



**Profesor Madya Dr.
Zurina Kefeli @ Zulkefli**

Profesor Madya
Fakulti Ekonomi dan
Muamalat, USIM



**Prof. Ts. Dr. Norhayati
Mohd Zain**

Pensyarah / Penyelidik
KPJ Healthcare University

Rakan Kerjasama :

4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Sesi pembentangan merupakan teras utama seminar ini kerana berperanan sebagai wadah perkongsian ilmu dan pandangan antara pakar pelbagai disiplin yang merangkumi bidang perubatan, kesihatan reproduktif dan ekonomi. Melalui sesi ini, peserta diberi pendedahan tentang hubungan antara faktor kesuburan, struktur demografi dan daya saing ekonomi yang semakin mencabar dalam konteks Malaysia yang menuju ke arah masyarakat menua.

Sebanyak tiga (3) kertas kerja ilmiah telah dibentangkan oleh ahli akademik daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Seterusnya, diteruskan lagi oleh Pensyarah dan Penyelidik daripada KPJ Healthcare University yang membincangkan tentang usaha meningkatkan kesedaran kanser dan memperkenalkan BieBot – Bot Pendidikan Pengimejan Payudara yang telah dibangunkan. Sesi ini kemudiannya diteruskan dengan Taklimat Kesuburan serta Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI) yang disampaikan oleh Ketua Pusat Kepakaran Subfertiliti, LPPKN.



KERTAS 1: *Obesity, Subfertility, and Fetal Programming: A Vicious Cycle*

Oleh Dr. Nur Zaireena binti Zainal,
Pensyarah Perubatan Kanan & Pakar Obstetrik dan Ginekologi (MFM),
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia

Dr. Nur Zaireena dalam pembentangnya mengupas isu obesiti yang semakin meningkat dalam masyarakat serta kaitannya dengan masalah kesuburan dan kesihatan janin. Beliau memulakan dengan menekankan bahawa obesiti tidak boleh dilihat semata-mata melalui Indeks Jisim Badan (BMI), sebaliknya ukuran lilitan pinggang lebih tepat dalam menggambarkan risiko kesihatan. Obesiti abdomen, khususnya dengan lilitan pinggang melebihi 90cm bagi lelaki dan 80cm bagi wanita, terbukti meningkatkan risiko penyakit metabolik seperti diabetes, hipertensi, sindrom metabolik serta kematian akibat kardiovaskular. Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023, sebanyak 54.4% rakyat Malaysia dewasa mengalami masalah berat badan berlebihan dan obesiti.

Menurut beliau, obesiti memberi kesan besar terhadap fungsi reproduktif. Wanita yang mengalami obesiti cenderung menghadapi gangguan ovulasi, sindrom polisistik ovari (PCOS), kualiti ovum yang rendah, risiko keguguran berulang, malah menjejaskan kadar kejayaan rawatan teknologi pembiakan berbantu (ART) seperti IVF. Di samping itu, kehamilan dalam kalangan wanita obesiti sering berdepan komplikasi seperti diabetes gestasi, tekanan darah tinggi, masalah plasenta dan risiko kecacatan janin.

Pembentangan ini turut mengangkat konsep fetal programming, iaitu bagaimana persekitaran dalam rahim mampu “memprogramkan” kesihatan anak untuk jangka masa panjang. Ibu yang obes berisiko melahirkan bayi yang lebih mudah mengalami obesiti, diabetes, penyakit jantung, gangguan neuropsikiatri serta kelewatan perkembangan kognitif. Lebih membimbangkan, kesan ini berpotensi diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya, mewujudkan satu kitaran berulang obesiti-subfertility yang semakin sukar diputuskan.

Dr. Nur Zaireena menegaskan bahawa situasi ini adalah satu “vicious cycle” – kitaran ganas yang jika tidak ditangani segera akan memberi implikasi serius terhadap kesihatan awam dan pembangunan negara. Justeru, beliau mencadangkan beberapa intervensi utama, antaranya mengoptimalkan berat badan sebelum kehamilan, mengamalkan gaya hidup sihat semasa hamil, serta memastikan pemantauan tumbesaran anak secara berterusan. Intervensi awal ini diyakini mampu memutuskan kitaran obesiti-subfertility yang kini membelenggu masyarakat moden.

“Obesiti-subfertiliti mewujudkan vicious cycle yang perlu diputuskan melalui intervensi awal, gaya hidup sihat, kaunseling prakehamilan dan penyelidikan lanjut dalam bidang epigenetik.”

- Dr. Nur Zaireena binti Zainal
Pensyarah Perubatan Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia

Beliau menutup pembentangan dengan seruan agar lebih banyak penyelidikan dijalankan, khususnya dalam bidang epigenetik, bagi memahami dengan lebih mendalam kesan jangka panjang obesiti terhadap generasi akan datang. Pada masa yang sama, khidmat kaunseling prakehamilan perlu diarusperdanakan dalam sistem kesihatan awam. Menurut beliau, usaha menangani isu obesiti dan subfertiliti memerlukan pendekatan menyeluruh merangkumi kerjasama antara pakar obstetrik dan ginekologi, endokrinologi, pediatrik, pakar pemakanan serta dasar kerajaan yang menyokong gaya hidup sihat dan mesra keluarga.

KERTAS 2: Transisi Demografi dan Kesan Terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia

Oleh Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Profesor Madya,
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli memulakan pembentangan dengan menegaskan bahawa tenaga buruh merupakan komponen terpenting dalam pembangunan ekonomi, selain modal, tanah dan usahawan. Menurut beliau, teori pertumbuhan ekonomi seperti Model Pertumbuhan Solow menekankan tiga faktor utama yang saling melengkapi, iaitu pengumpulan modal, pertumbuhan penduduk atau tenaga buruh, serta kemajuan teknologi. Dalam hal ini, buruh bukan sekadar penyumbang tenaga fizikal, malah merupakan pemacu kepada inovasi dan perkembangan teknologi.

Dalam konteks demografi, Prof. Madya Dr. Zurina menjelaskan bahawa Malaysia sedang melalui proses transisi demografi, iaitu peralihan struktur populasi daripada kadar kelahiran dan kematian yang tinggi kepada tahap yang semakin rendah. Statistik menunjukkan bahawa kadar kesuburan jumlah (TFR) menurun daripada 5.7 anak per wanita pada tahun 1960 kepada 1.7 pada tahun 2023, jauh di bawah paras penggantian 2.1. Perubahan ini menunjukkan Malaysia kini berada pada peringkat keempat dalam model transisi demografi, iaitu fasa kadar kelahiran dan kematian yang rendah.

Selain itu, perubahan struktur umur turut ketara. Peratusan penduduk berusia bawah 15 tahun merosot daripada 36.7% pada tahun 1991 kepada 24% pada tahun 2020. Sebaliknya, kumpulan umur bekerja kini mewakili hampir 70% daripada jumlah penduduk, manakala

SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

warga emas (65 tahun ke atas) telah meningkat kepada 7.2% pada tahun 2023 dan dijangka mencecah 14% menjelang 2030. Jangka hayat purata rakyat Malaysia juga semakin panjang, iaitu 75.2 tahun, dengan wanita mencapai purata 77.8 tahun berbanding lelaki 73 tahun.

Menurut beliau, fenomena ini memberi implikasi besar terhadap pasaran buruh dan daya saing ekonomi negara. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekurangan tenaga kerja muda, kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang masih rendah, serta peningkatan kos buruh yang memberi tekanan kepada produktiviti. Selain itu, kebergantungan kepada pekerja asing yang tinggi dan ketidaksepadanan kemahiran dengan keperluan industri turut menambah kerumitan. Revolusi Industri 4.0 serta kemunculan kecerdasan buatan (AI) juga bakal menggantikan banyak kerja rutin, sekali gus menuntut kemahiran baharu seperti analisis data, pemikiran kritikal dan literasi digital.

Walau bagaimanapun, Prof. Madya Dr. Zurina turut menekankan wujudnya peluang baharu yang boleh dimanfaatkan. Peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja, penglibatan warga emas melalui kerja fleksibel, serta perkembangan ekonomi digital dan ekonomi gig mampu membuka ruang pekerjaan bernilai tambah tinggi. Inisiatif kerajaan seperti MySTEP, TVET, PERKESO dan KWSP juga dilihat sebagai langkah proaktif dalam menyediakan jaringan perlindungan sosial dan memperkukuh daya tahan tenaga kerja.



Sebagai penutup, beliau menegaskan bahawa transisi demografi merupakan fenomena yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, dasar awam perlu digubal semula bagi menyesuaikan diri dengan realiti baharu, termasuk memperkukuh pembangunan modal insan, meningkatkan pelaburan dalam pendidikan, memperluas latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET), serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Kolaborasi erat antara kerajaan, industri, akademik dan masyarakat amat diperlukan bagi memastikan Malaysia mampu membina daya tahan struktural dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif serta mampan.

KERTAS 3: Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara

Oleh Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain,
Pensyarah & Penyelidik, KPJ Healthcare University

Pembentangan ini memberi fokus kepada hubungan antara kesihatan wanita, khususnya kanser payudara, dengan aspek daya saing ekonomi negara. Prof. Ts. Dr. Norhayati menekankan bahawa wanita bukan sahaja penyumbang penting kepada ekonomi melalui tenaga kerja, malah juga sebagai tonggak dalam institusi keluarga. Justeru, kesihatan wanita merupakan faktor kritikal dalam memastikan kestabilan populasi dan produktiviti negara.

Menurut beliau, kanser payudara merupakan pembunuh utama wanita di Malaysia dan kebanyakan kes dikesan pada peringkat lewat. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan individu, malah turut memberi kesan kepada kestabilan emosi, kesejahteraan keluarga, serta ekosistem demografi melalui penurunan kadar kesuburan. Beliau menegaskan bahawa pengesanan awal adalah langkah paling berkesan bagi mengurangkan impak penyakit ini terhadap kehidupan wanita serta struktur sosial.

“Kekurangan kesedaran awal tentang kepentingan pemeriksaan kesihatan, khususnya mammogram, masih menjadi cabaran utama. Hal ini memerlukan usaha bersepadu bagi meningkatkan literasi kesihatan wanita agar mereka lebih proaktif menjalani saringan awal.”

- Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain
Pensyarah dan Penyelidik, KPJ Healthcare University

Dalam konteks ini, beliau memperkenalkan **BieBot – Bot Pendidikan Pengimejan Payudara**, iaitu sebuah aplikasi chatbot pendidikan berasaskan konsep *Society 5.0* yang direka khas untuk meningkatkan literasi kesihatan wanita. Aplikasi ini menyediakan maklumat



lengkap mengenai kanser payudara dan pemeriksaan mammogram dalam bahasa mudah (*layman terms*), dwibahasa, serta dilengkapi dengan elemen interaktif seperti infografik dan

video. Selain itu, BieBot turut menyediakan pautan untuk membuat temu janji dengan pakar perubatan di KPJ Healthcare University dan LPPKN, sekali gus memudahkan akses masyarakat kepada perkhidmatan kesihatan.

Hasil kajian tinjauan terhadap 100 responden menunjukkan bahawa penggunaan BieBot memberi kesan positif terhadap tahap pengetahuan dan meningkatkan kecenderungan wanita, khususnya berusia 40 tahun ke atas, untuk menjalani pemeriksaan mammogram. Inovasi ini bukan sahaja berpotensi mengurangkan kos rawatan melalui pengesanan awal, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan produktiviti tenaga kerja, kualiti hidup dan kesejahteraan psikososial.

Highlight

Manfaat pengesanan awal kanser payudara:

- *Penjimatan kos rawatan kesihatan*
- *Peningkatan produktiviti tenaga kerja*
- *Kualiti hidup dan kesejahteraan psikososial wanita yang lebih baik*

Prof. Ts. Dr. Norhayati menyimpulkan bahawa transformasi digital dalam kesihatan wanita bukan sekadar inovasi teknologi, tetapi merupakan langkah strategik untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara. Beliau berharap agar aplikasi ini dapat diperluaskan penggunaannya ke seluruh negara dan dilesenkan kepada pelbagai pihak termasuk penyedia penjagaan kesihatan, institusi pendidikan dan organisasi komuniti.

Taklimat Kesuburan Dan Program Rawatan Kesuburan & Advokasi Infertiliti (BuAI)

Oleh Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Kepakaran Subfertiliti,
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Sesi seminar diteruskan dengan pembentangan oleh Dr. Wan Hilya Munira Mustapha, Ketua Pusat Kepakaran Subfertiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), yang menyampaikan Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI). Taklimat ini memberi tumpuan kepada peranan LPPKN dalam menangani isu penurunan kadar kesuburan di Malaysia serta inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi menyokong pasangan yang berdepan cabaran infertiliti.

Dalam pembentangannya, Dr. Wan Hilya menyorot kebimbangan terhadap trend Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) negara yang semakin menurun dan kini berada di bawah paras penggantian. Menurut beliau, keadaan ini berpotensi menimbulkan implikasi jangka panjang, termasuk kekurangan tenaga kerja muda, peningkatan kos penjagaan kesihatan warga emas, serta ancaman terhadap keselamatan dan kelestarian pembangunan negara. Fenomena ini tidak hanya berlaku di Malaysia, bahkan negara-negara lain seperti Korea Selatan kini berdepan kadar TFR serendah 0.7 – suatu amaran yang wajar dijadikan iktibar.

Dr. Wan Hilya turut menegaskan bahawa isu kesuburan bukan hanya melibatkan kaum wanita. Berdasarkan kajian, sebanyak 46% sperma lelaki berusia 20-an didapati tidak normal, sekali gus menunjukkan bahawa masalah kesuburan adalah isu bersama yang memerlukan kesedaran menyeluruh. Selain faktor biologi, aspek sosial seperti kelewatan usia perkahwinan, ketidakseimbangan antara kerja dan kehidupan, fenomena keluarga dwi-pendapatan tanpa anak (DINK), serta kewujudan keluarga jarak jauh (*commuter family*) turut menjadi penyumbang utama kepada penurunan kesuburan.

Sejak tahun 1979, LPPKN telah memainkan peranan aktif dalam menyediakan rawatan kesuburan dan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan reproduktif. Kini, usaha ini diperkukuh melalui pelbagai strategi, termasuk penganjuran *Round Table Discussion (RTD)* bersama kementerian, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik bagi membincangkan dasar keluarga negara serta merangka inisiatif baharu. Cadangan yang dikemukakan antaranya ialah penyediaan tempat kerja mesra keluarga, pengaturan kerja fleksibel, cuti bersalin, insentif kewangan untuk penjagaan anak, serta kemudahan rawatan kesuburan dengan sokongan KWSP dan pengecualian cukai.

“LPPKN memperkenalkan Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI). Program ini menawarkan Rawatan IUI percuma kepada pasangan warganegara Malaysia dengan pendapatan isi rumah di bawah RM10,000.00”

- Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Kepekaran Subfertiliti, LPPKN

Sesi pembentangan ini turut disusuli dengan sesi soal jawab yang berlangsung secara interaktif. Para peserta mengambil kesempatan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kriteria kelayakan program, had umur rawatan, serta bentuk sokongan yang disediakan. Menjawab persoalan tersebut, Dr. Wan Hilya menjelaskan bahawa rawatan subfertiliti di LPPKN tidak mengehadkan umur pasangan. Namun demikian, rawatan IUI dan IVF adalah lebih berkesan jika dijalankan sebelum umur 40 tahun. Pasangan yang memenuhi syarat kelayakan berhak mendapatkan rawatan percuma di Pusat Subfertiliti LPPKN melalui Program BuAI.

Sebagai penutup, Dr. Wan Hilya menegaskan komitmen LPPKN untuk terus memperkukuh perkhidmatan kesihatan reproduktif yang holistik. Malah, LPPKN menyasarkan pelancaran Pusat Subfertiliti Kebangsaan di Selangor pada tahun 2030 sebagai langkah strategik untuk memperluas akses rawatan kesuburan serta menyokong pasangan yang bersepan cabaran ini, demi membina keluarga sejahtera dan memastikan kelestarian populasi negara.



Sesi Soal Jawab

SOALAN 1: Apakah pandangan Prof. mengenai kesan penggunaan AI khususnya dalam bidang promosi seperti peragaan pakaian atau tudung yang dijalankan menggunakan teknologi AI?

- Puan Zaiton binti Abdul Hamid
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan



Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli menjelaskan bahawa penggunaan teknologi AI memberi implikasi dua hala, iaitu kesan positif dan negatif terhadap pasaran buruh. Dari sudut positif, AI beroperasi meningkatkan produktiviti dan kecekapan kerja, selain membantu organisasi menjimatkan masa serta kos operasi. Namun, dari sudut negatif, beliau menegaskan bahawa aspek integriti, ketulenan maklumat dan kredibiliti produk perlu diambil kira dengan serius bagi mengelakkan penyelewangan serta mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap pasaran.

Beliau turut menambah bahawa penggunaan AI seharusnya menggantikan sepenuhnya tenaga manusia, sebaliknya perlu diintegrasikan secara seimbang dengan kemahiran analitikal dan nilai kemanusiaan agar kemajuan teknologi dapat dimanfaatkan tanpa menjejaskan peluang pekerjaan serta nilai etika dalam ekonomi digital.

SOALAN 2: Bagaimana nak dapatkan subsidi mamogram?

- Puan Yuslianah binti Yusof
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan

Prof. Ts. Dr. Norhayati menjelaskan bahawa pemeriksaan mamogram boleh didapati di hospital swasta melalui pakej saringan kesihatan yang lazimnya ditawarkan kepada wanita berumur 40 tahun dan ke atas, namun perkhidmatan tersebut adalah berbayar. Bagi mendapatkan subsidi pemeriksaan di bawah program kerajaan, individu yang layak boleh mengemukakan permohonan melalui Klinik Nur Sejahtera LPPKN dengan mengisi borang permohonan dan menyatakan hasrat untuk menjalani pemeriksaan mamogram. Peserta boleh memilih hospital panel berdekatan mengikut jadual temujanji yang ditetapkan.

Di Negeri Sembilan, terdapat tiga (3) Klinik Nur Sejahtera LPPKN yang menawarkan perkhidmatan ini iaitu di Seremban 2, Senawang dan Port Dickson. Permohonan subsidi akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh LPPKN.

SOALAN 3: Apakah kriteria kelayakan dan had umur bagi mendapatkan rawatan di bawah Program Bantuan IUI serta Advokasi Infertiliti (BuAI)?

Dr. Wan Hilya menjelaskan bahawa rawatan subfertiliti di LPPKN terbuka kepada semua pasangan warganegara Malaysia tanpa had umur. Walau bagaimanapun, rawatan seperti *Intrauterine Insemination (IUI)* dan *In Vitro Fertilisation (IVF)* didapati lebih berkesan apabila dijalankan sebelum wanita mencapai usia 40 tahun, kerana faktor biologi dan kualiti ovum mempengaruhi kadar kejayaan rawatan.

Beliau turut memaklumkan bahawa pasangan yang berdaftar di bawah Program BuAI dan memenuhi syarat pendapatan isi rumah RM10,000.00 dan ke bawah (kategori B40 dan M40 rendah) layak menerima rawatan secara percuma di Pusat Subfertiliti LPPKN. Proses penilaian akan dibuat berdasarkan dokumen sokongan dan saringan klinikal bagi memastikan pemilihan peserta yang benar-benar memerlukan bantuan.

Dr Wan Hilya menegaskan bahawa program ini merupakan inisiatif LPPKN bagi memperluas akses kepada perkhidmatan kesuburan yang berkualiti serta menggalakkan pasangan untuk mendapatkan rawatan awal sebelum masalah menjadi lebih serius.

5.0 FORUM KEPENDUDUKAN

“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh”

Seminar pada sebelah petang diteruskan dengan sesi forum yang menampilkan tiga (3) orang ahli panel jemputan. Forum ini berlangsung dalam tiga (3) pusingan, di mana setiap panelis diberikan masa selama sepuluh (10) minit untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Moderator.

Moderator:

Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad

Ketua Unit Pengurusan Data Penyelidikan,
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK),
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Ahli Panel:

Panel 1

Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri

Pengarah Kanan,
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi,
Jabatan Perangkaan Malaysia

Panel 2

Puan Razmona binti Abdul Razak

Timbalan Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan

Panel 3

Dr. Harry Surya Rangkuti

Pensyarah Perubatan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

24 JULAI 2025 | 2.00 PETANG - 3.30 PETANG
AUDITORIUM FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN, USIM

FORUM: *“Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi :
Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh”*



Encik Ahmad Hashimi Mohammad
MODERATOR
*Ketua Unit Data Penyelidikan
Bahagian Penyelidikan Kependudukan
dan Keluarga
LPPKN*



**Puan Razmona
binti Abdul Razak**

PANEL 1

*Timbalan Pengarah Unit
Perancangan Ekonomi
Negeri Sembilan*



**Encik Wan Mohd
Shahrulnizam bin Wan
Mohd Najuri**

PANEL 2

*Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Penduduk
dan Demografi
Jabatan Perangkaan Malaysia*



**Dr. Harry Surya
Rangkuti**

PANEL 3

*Pensyarah Perubatan
Fakulti Perubatan dan
Sains Kesihatan, USIM*

Rakan Kerjasama :



Pusingan Pertama

SOALAN 1: Boleh tuan kongsi trend kesuburan di Malaysia dalam dekad kebelakangan ini, dan bagaimana ia berkait rapat dengan pertumbuhan tenaga buruh?

Encik Wan Mohd Shahrulnizam (Panel 1) membuka perbincangan dengan menjelaskan bahawa populasi Malaysia kini mencecah **34.1 juta orang**. Beliau menjelaskan bahawa negara kini sedang melalui fasa **transisi demografi**, iaitu keadaan apabila kadar kelahiran dan kadar kematian semakin menghampiri antara satu sama lain. Jangka hayat penduduk juga semakin meningkat, dengan purata umur kematian bagi lelaki **73 tahun** dan wanita **77 tahun**, menyebabkan piramid penduduk negara semakin *rata* di bahagian atas.

Beliau turut menegaskan bahawa kadar kesuburan (TFR) Malaysia yang kini berada pada paras **1.7** anak per wanita adalah jauh di bawah paras penggantian dan fenomena ini memberi implikasi langsung terhadap bekalan tenaga buruh negara kerana generasi muda yang menyokong tenaga kerja akan mengecil berbanding kumpulan warga emas.

“Walaupun bilangan kelahiran meningkat selepas pandemik COVID-19, trend jangka panjang menunjukkan populasi penduduk bekerja semakin berkurangan.”

- *Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri
Pengarah Kanan,
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi,
Jabatan Perangkaan Malaysia*

Encik Wan Mohd Shahrulnizam turut merujuk kepada pengalaman antarabangsa sebagai peringatan bahawa dasar dan cabaran demografi bersifat dinamik, contohnya dasar satu anak di China yang mempercepatkan proses penuaan penduduk, manakala kejadian pandemik Covid-19 turut memberi kesan kepada kadar kematian dalam jangka pendek.

Beliau juga membentangkan data peringkat negeri dengan menyatakan bahawa bagi Negeri Sembilan, kadar kesuburan di daerah **Jelevu** telah menurun kepada **2.3**, manakala daerah **Rembau** mencatatkan kadar melebihi paras penggantian. Berdasarkan unjuran semasa, beliau menjangkakan populasi Malaysia akan mencapai kemuncak sekitar tahun 2059 sebelum mula menunjukkan penurunan, situasi yang menuntut perancangan penggunaan tenaga buruh dan dasar sosial yang proaktif.

SOALAN 2: Bagaimana UPEN Negeri Sembilan melihat hubungan antara penurunan kadar kesuburan dan perancangan ekonomi negeri, khususnya dalam sektor pekerjaan dan pembangunan modal insan?

Menyusuli perbincangan tentang pola demografi, moderator, Encik Ahmad Hashimi, mengalihkan fokus kepada aspek ekonomi. Beliau menjemput **Puan Razmona binti Abdul Razak (Panel 2)** untuk menggariskan perancangan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan dalam menghadapi isu pasaran buruh yang semakin mengecil.

Puan Razmona menjelaskan bahawa strategi perancangan Negeri Sembilan dirangka selari dengan inisiatif pembangunan berskala besar seperti Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) yang bertujuan menyatukan dua daerah menjadi sebuah bandar raya baharu dengan daya tarikan pelaburan antarabangsa. Beliau menekankan bahawa kerajaan negeri sedang berusaha menarik pelabur dari serata dunia, termasuk dari Eropah, Jepun, dan China, ke kawasan perindustrian utama seperti di Bandar Enstek dan Sendayan bagi merangsang kegiatan pembuatan dan perkhidmatan.

Puan Razmona menegaskan bahawa setiap aliran pelaburan akan meningkatkan permintaan tenaga kerja, oleh itu pasaran pekerjaan mesti dirangka dengan teliti supaya peluang disalurkan kepada anak tempatan. Kerajaan negeri telah menetapkan syarat bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus tenaga kerja dalam inisiatif pelaburan mesti terdiri daripada belia tempatan atau mereka yang bermastautin di Negeri Sembilan. Sebagai langkah menambahbaik

“Apabila ada pelaburan, permintaan untuk tenaga kerja akan meningkat. Oleh itu, kami memastikan pasaran pekerjaan dirangka dengan teliti, di mana anak-anak tempatan diberi keutamaan.”

Puan Razmona binti Abdul Razak
Timbalan Pengarah UPEN Negeri Sembilan



kesiapsiagaan modal insan, UPEN giat mempromosikan program TVET, kerjasama industri-akademia, dan inisiatif latihan di tempat kerja supaya bekalan tenaga kerja berkemahiran dapat memenuhi kehendak pelaburan.

Puan Razmona menegaskan bahawa insentif kepada pasangan berkahwin dan program sokongan keluarga merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang kerajaan negeri bagi memastikan pertumbuhan ekonomi sentiasa seiring dengan kestabilan demografi. Beliau menjelaskan bahawa kumpulan umur 22 hingga 35 tahun merupakan teras utama kepada pembangunan tenaga kerja negeri, justeru usaha menarik, mengekalkan serta memperkukuh penyertaan golongan ini dalam pasaran buruh dianggap kritikal demi menjamin daya saing dan kelestarian pembangunan ekonomi Negeri Sembilan.

SOALAN 3: Dari sudut kesihatan awam, sejauh mana cabaran kesihatan reproduktif menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan dalam kalangan pasangan muda? Apakah isu klinikal atau sistemik yang paling ketara dari pengalaman Dr.?

Moderator kemudian mengalihkan tumpuan perbincangan kepada aspek kesihatan reproduktif dengan menjemput **Dr. Harry Surya Rangkuti (Panel 3)** untuk mengupas cabaran ketidaksuburan yang semakin meningkat. Dr. Harry membuka perbincangannya dengan menyatakan bahawa tahap kesedaran masyarakat tentang isu kesuburan masih rendah dan memerlukan perhatian segera. Beliau menjelaskan definisi ketidaksuburan dari sudut perubatan, iaitu kegagalan untuk mencapai kehamilan selepas satu tahun hubungan seksual tanpa perlindungan.

Dr. Harry menekankan bahawa masalah ini bukanlah isu eksklusif bagi wanita, sebaliknya 35% hingga 40% kes ketidaksuburan berpunca daripada pihak lelaki, disebabkan oleh faktor seperti kualiti sperma yang rendah atau masalah mati pucuk. Selain itu, beliau turut mengaitkan isu ini dengan faktor gaya hidup, termasuk obesiti yang boleh mengganggu keseimbangan hormon dan seterusnya menjejaskan proses implantasi.

Beliau juga menekankan bahawa peningkatan aktiviti seksual pramatang dalam kalangan remaja yang kini berlaku seawal usia belasan tahun hingga awal dua puluhan berisiko menyebabkan kerosakan atau sumbatan pada saluran reproduktif dan seterusnya memberi kesan kepada kesuburan apabila memasuki alam perkahwinan.

Beliau turut menyentuh isu mikroplastik yang sering menjadi perdebatan, namun menegaskan bahawa kesannya tidak begitu signifikan berbanding faktor lain yang lebih kritikal. Menurut beliau, faktor yang lebih utama untuk diberi perhatian ialah penyakit kronik seperti diabetes dan darah tinggi, selain pendedahan kepada haba berlebihan yang boleh merosakkan fungsi

sperma, contohnya akibat pekerjaan atau aktiviti yang melibatkan duduk lama atau menunggang motosikal secara berlebihan.

Akhirnya, Dr. Harry menegaskan bahawa usaha pemerkasaan pendidikan kesihatan reproduktif perlu diperkukuh melalui modul praperkahwinan yang lebih komprehensif, merangkumi pendidikan tentang waktu subur, kekerapan hubungan yang kondusif serta pemeriksaan saringan asas. Langkah ini diyakini sebagai intervensi awal yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran dan menangani isu ketidaksuburan secara sistematik.

“Keperluan meneliti kadar penyertaan tenaga buruh lelaki dan wanita secara lebih menyeluruh, sebagai strategi penting untuk mengekalkan daya saing ekonomi dan produktiviti negara dalam jangka panjang.”

Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pusingan Kedua

SOALAN 1: Apa kesan jangka panjang terhadap saiz dan produktiviti tenaga kerja sekiranya kadar kesuburan kekal rendah khususnya dalam sektor-sektor penting seperti pendidikan, penjagaan warga emas, dan kesihatan?

Encik Wan Mohd Shahrulnizam (Panel 1) menjelaskan bahawa Malaysia dijangka mencapai kemuncak populasi pada tahun 2059, manakala Negeri Sembilan akan berada pada tahap tertinggi sekitar tahun 2054 dengan anggaran 1.5 juta penduduk. Namun selepas itu, bilangan penduduk dijangka mula menurun kerana kadar kelahiran kekal di bawah paras penggantian. Beliau turut menarik perhatian bahawa Kuala Lumpur merupakan negeri yang paling cepat mengalami penurunan populasi, sekali gus memberi gambaran bahawa fenomena ini tidak berlaku secara seragam di seluruh negara.

Perubahan ini, jelas beliau, akan memberi kesan ketara terhadap struktur piramid penduduk, dengan bilangan warga emas semakin meningkat manakala jumlah penduduk muda semakin berkurangan. Situasi ini akan meningkatkan nisbah tanggungan, yang memberi tekanan kepada sistem pembiayaan negeri, khususnya dalam aspek kesihatan dan penyediaan infrastruktur. Beliau menambah bahawa peningkatan umur bayi sifar yang dicatatkan pada masa kini berbanding dahulu sebahagiannya berpunca daripada tahap kesihatan ibu yang lebih baik, namun kesan jangka panjangnya tetap menunjukkan penurunan jumlah kelahiran keseluruhan.

Beliau turut merujuk kepada pengalaman Jepun yang telah melalui transisi demografi fasa kelima, iaitu apabila kadar kematian melebihi kadar kelahiran. Senario ini menurut beliau boleh menjadi pengajaran penting kepada Malaysia, bahawa tanpa intervensi dasar yang efektif,

negara berisiko berdepan keadaan yang sama. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa dasar yang mantap amat penting, bukan sahaja untuk meningkatkan kadar kelahiran tetapi juga untuk mengoptimalkan guna tenaga yang ada.

SOALAN 2: Adakah Negeri Sembilan sudah mula merasai kekurangan tenaga kerja dalam sektor tertentu akibat perubahan demografi? Bagaimana kita menilai dan merancang penyelesaian jangka sederhana dan panjang?

Puan Razmona (Panel 2) menjelaskan bahawa kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan melalui program TVET, dengan hasrat memastikan peluang pekerjaan yang berkemahiran, khususnya dalam sektor pembuatan dan industri halal, dapat diisi oleh anak-anak tempatan dan bukannya warga asing. Beliau menekankan bahawa langkah ini bukan sahaja bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir, tetapi juga untuk memastikan anak Negeri Sembilan terus bekerja, membina keluarga, dan menetap di negeri sendiri.

Beliau turut menyatakan bahawa kawasan luar bandar kini semakin mendapat permintaan terhadap tenaga kerja, contohnya di Bandar Enstek yang menempatkan banyak kilang besar. Dalam konteks ini, beliau menegaskan bahawa peluang pekerjaan bukan sahaja wujud dalam sektor pembuatan seperti kilang F&N di Gemas, tetapi juga dalam pelbagai bidang lain yang dikenal pasti melalui kerjasama dengan PERKESO, yang menyediakan data mengenai individu yang masih belum bekerja. Hal ini, menurut beliau, membolehkan kerajaan negeri merangka intervensi yang lebih tepat bagi menyalurkan tenaga kerja tempatan ke sektor yang memerlukan.

Walaupun bagaimanapun, Puan Razmona turut menyuarakan kebimbangan mengenai kekurangan tenaga kerja dalam sektor sosial dan kesihatan, meskipun permintaan terhadap sektor ini semakin meningkat. Kekurangan ini dianggap membimbangkan kerana sektor berkenaan amat penting dalam menghadapi perubahan struktur demografi yang menuju ke arah penuaan penduduk.

Sebagai penutup, beliau menegaskan bahawa Negeri Sembilan dijangka mencapai status negara menua menjelang tahun 2030. Sehubungan itu, usaha membangunkan modal insan berkemahiran serta merangka strategi tenaga kerja jangka sederhana dan panjang perlu dipercepatkan agar negeri dapat menampung keperluan ekonomi dan sosial yang semakin mencabar.

SOALAN 3: Adakah wujud hubungan yang jelas antara cabaran kesuburan atau reproduktif dengan kebolehan wanita untuk kekal aktif dalam pasaran kerja dari segi kehadiran fizikal mahupun produktiviti keseluruhan?

Dr. Harry (Panel 3) menjelaskan bahawa wanita bekerjaya pada masa kini cenderung untuk berkahwin pada usia yang lebih lewat berbanding dahulu. Dari sudut pandangan perubatan, beliau menegaskan bahawa lingkungan usia 19 hingga 35 tahun merupakan tempoh paling sesuai untuk hamil kerana pada tahap inilah kualiti telur berada pada keadaan optimum. Namun, apabila usia semakin meningkat, kualiti telur akan menurun dan risiko terhadap kesihatan ibu seperti diabetes dan tekanan darah tinggi pula meningkat.

Beliau menekankan bahawa wanita bekerjaya sebenarnya mampu menguruskan pelbagai tanggungjawab serentak, termasuk kerjaya dan keluarga. Justeru, faktor kerjaya bukanlah punca utama yang menjejaskan kebolehan wanita untuk hamil. Sebaliknya, faktor usia merupakan penentu yang lebih signifikan dalam mempengaruhi tahap kesuburan wanita.

Pusingan Ketiga

Moderator menutup sesi forum dengan menekankan bahawa cabaran demografi akan menjadi lebih ketara dalam dekad akan datang, dan bertanya kepada panelis mengenai implikasi terhadap keputusan individu serta dasar tenaga kerja. Beliau memulakan dengan soalan mengenai bilangan anak kepada Panel 1: **“Adakah mempunyai bilangan anak yang lebih sedikit lebih wajar berbanding ramai?”**

Encik Wan Mohd Shahrulnizam (Panel 1) menjelaskan bahawa keputusan mengenai bilangan anak merupakan hak individu dan tidak semestinya menimbulkan isu kritikal. Beliau menekankan bahawa terdapat negara yang berjaya walaupun kadar kelahiran rendah, dengan mengambil contoh Qatar. Selain itu, beliau menegaskan bahawa kadar perkahwinan dalam kalangan generasi muda tidak menjadi halangan, namun penggalakan institusi keluarga adalah penting bagi mengekalkan keseimbangan demografi dan tenaga kerja.

Moderator seterusnya mengemukakan soalan berkaitan kebimbangan terhadap tenaga kerja dalam konteks kemajuan teknologi: **“Apakah keperluan untuk bimbang mengenai tenaga buruh apabila teknologi Kecerdasan Buatan (AI) semakin berkembang?”**

Puan Razmona (Panel 2) menjelaskan bahawa AI mampu menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti, namun kehadiran manusia masih diperlukan bagi memastikan penyaluran maklumat yang tepat serta pemantauan proses. Beliau menegaskan bahawa AI tidak dapat sepenuhnya menggantikan pekerjaan yang menuntut keupayaan emosi, empati,

dan pemikiran kritikal; justeru, pembangunan tenaga kerja perlu menyeimbangkan penggunaan teknologi dengan pengukuhan kapasiti insan tempatan.

Akhir sekali, moderator menyoal mengenai **fenomena *childfree***, di mana sesetengah golongan muda memilih untuk tidak mempunyai anak dan menggantikannya dengan haiwan peliharaan.

Dr. Harry Surya Rangkuti (Panel 3) menekankan bahawa fenomena ini bertentangan dengan fitrah manusia dan perlu diperbetulkan dari perspektif sosial dan agama. Beliau menambah bahawa bagi pasangan yang menghadapi cabaran kesuburan, pilihan rawatan moden seperti IVF wujud, dan sekiranya rawatan ini tidak berhasil, pengambilan anak angkat boleh dijadikan alternatif yang wajar. Intervensi bersepadu yang menggabungkan pendidikan, sokongan sosial, dan polisi keluarga perlu dilaksanakan untuk memastikan kesinambungan generasi serta kestabilan demografi pada masa hadapan.

Sesi Soal Jawab

SOALAN 1: Generasi muda Negeri Sembilan memerlukan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Adakah pihak UPEN menjalankan kajian berhubung ketidaksepadanan (*mismatch*) antara peluang pekerjaan dan pendidikan, serta bagaimana isu ini dapat diimbangi?

Jawapan oleh Panel 2:

Puan Razmona binti Abdul Razak (Panel 2) menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan melalui UPEN telah memberi fokus kepada pelaksanaan agenda *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* Kebangsaan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi strategik termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Agensi Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia, PERKESO, MITI dan Kementerian Kewangan.

Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk menarik kembali pelajar tempatan, sama ada yang menuntut di dalam mahupun di luar negara, termasuk pemegang IC 05 atau individu berstatus maustatin, agar kembali menyumbang kepada pembangunan industri di Negeri Sembilan. Sebagai sebahagian daripada pendekatan ini, konsep "*Akademi dalam Industri*" diperkenalkan, di mana graduan diberikan latihan intensif dalam barisan pembuatan yang berasaskan kemahiran tinggi, sekali gus membolehkan mereka diserap terus ke dalam sektor pekerjaan yang relevan.

Selain itu, kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran turut menjadi faktor penting dalam memastikan graduan memiliki kemahiran yang sejajar dengan keperluan industri semasa. Pendekatan holistik ini bertujuan mengurangkan isu ketidaksepadanan antara pendidikan dan pasaran pekerjaan, sekaligus menyokong pertumbuhan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing di Negeri Sembilan.

SOALAN 2: Pasangan yang lambat mendapatkan rawatan kesuburan sering berasa malu dan ada yang mengambil ubat tertentu tanpa nasihat doktor. Adakah pendekatan ini betul, dan apa yang sepatutnya dilakukan?

Jawapan oleh Panel 3:

Dr. Harry Surya Rangkuti (Panel 3) menegaskan bahawa memperoleh maklumat mengenai ubat kesuburan daripada media sosial tanpa mendapatkan konsultasi doktor merupakan satu kesilapan yang serius. Beliau memberi contoh bahawa bagi pasangan yang menghadapi masalah sumbatan pada saluran reproduktif, sebanyak mana pun telur yang dihasilkan tidak akan dapat bertemu sperma tanpa rawatan perubatan yang sesuai.

Panel turut memberi amaran bahawa pengambilan ubat kesuburan tanpa kawalan boleh mengundang risiko penyakit serius, termasuk kanser. Justeru, beliau menekankan bahawa pasangan yang menghadapi masalah kesuburan disarankan untuk segera mendapatkan pemeriksaan di klinik kesihatan dan merujuk kepada pakar perubatan. Nasihat utama beliau ialah, pasangan tidak seharusnya bergantung kepada maklumat daripada internet semata-mata, sebaliknya memastikan rawatan dilakukan berasaskan bukti saintifik dan nasihat profesional perubatan.

SOALAN 3: Sejauh manakah insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan kepada pemegang IC 05 memberi impak kepada aspirasi kerajaan?

-Puan Zaiton, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan

Jawapan oleh Panel 2:

Puan Razmona binti Abdul Razak (Panel 2) menjelaskan bahawa insentif kepada pemegang IC 05 memberikan impak yang signifikan dalam beberapa aspek utama. Antaranya termasuklah sokongan terhadap pasangan berkahwin, peningkatan kadar kelahiran dan kesuburan, serta penjagaan kesihatan.

Selain itu, inisiatif turut diberikan kepada golongan pelajar yang berisiko tercicir, contohnya pelajar tahfiz. Melalui galakan khusus, mereka dibantu untuk menduduki peperiksaan SPM dalam tempoh setahun agar tidak terpinggir daripada arus perdana pendidikan. Panel menegaskan bahawa langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan generasi muda pemegang IC 05 mendapat peluang yang setara dalam pembangunan sosial dan ekonomi negeri, sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri untuk pertumbuhan populasi dan pembangunan modal insan yang bersepadu.

6.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Berdasarkan pembentangan kertas kerja, sesi forum serta perbincangan sepanjang Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan, beberapa cadangan telah dikenal pasti bagi membantu Kerajaan Negeri Sembilan merangka dasar, program dan intervensi yang lebih berkesan dalam menangani isu penurunan kadar kesuburan, populasi menua dan cabaran pasaran buruh.

Kerajaan negeri disarankan memperkukuh dasar serta sokongan kepada institusi keluarga melalui langkah-langkah yang lebih mesra keluarga. Antara usaha yang boleh dipertimbangkan termasuklah peluasan cuti paterniti dan cuti ibu bapa yang fleksibel, pelaksanaan polisi kerja anjal serta pengiktirafan kepada amalan bekerja dari rumah. Inisiatif sebegini dapat membantu pasangan muda menyeimbangkan kerjaya dan tanggungjawab keluarga, selain mengurangkan halangan ekonomi dan sosial yang mendorong kelewatan perkahwinan serta perancangan keluarga. Sokongan kewangan dan insentif perkahwinan kepada pasangan muda serta bantuan kepada keluarga berpendapatan rendah juga dilihat mampu memberi kesan positif terhadap peningkatan kadar kesuburan di negeri ini.

Dari segi kesihatan reproduktif, perhatian khusus perlu diberikan kepada usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kesihatan sejak usia muda. Pendidikan kesihatan reproduktif boleh diperkukuh melalui integrasi dalam kurikulum sekolah, program universiti dan kursus pra-perkahwinan. Pada masa yang sama, akses kepada rawatan dan saringan awal seperti pemeriksaan mamogram serta rawatan kesuburan perlu diperluas. Program *BuAI* yang dilaksanakan oleh LPPKN wajar diperkasa di Negeri Sembilan dengan sokongan hospital kerajaan dan swasta agar lebih ramai pasangan yang berkeelayakan dapat menerima manfaat. Selain itu, masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit yang memberi kesan langsung kepada tahap kesuburan dan produktiviti tenaga kerja perlu ditangani melalui program komuniti dan intervensi gaya hidup sihat yang lebih menyeluruh.

Dari sudut pembangunan ekonomi dan pasaran buruh, perbincangan forum menegaskan bahawa penurunan kadar kelahiran memberi implikasi besar terhadap penyertaan tenaga kerja, peningkatan kebergantungan kepada pekerja asing serta kesukaran mengekalkan produktiviti. Bagi mengatasi cabaran ini, pengukuhan program TVET dan latihan semula adalah amat penting bagi melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan selari dengan keperluan industri negeri seperti perindustrian, halal hub, pertanian moden dan ekonomi digital. Selain itu, peluang pekerjaan fleksibel termasuk kerja separuh masa, kerja kontrak, ekonomi gig serta bekerja dari rumah perlu diperluas, khususnya bagi wanita, suri rumah, veteran dan warga emas. Langkah ini bukan sahaja dapat mengoptimumkan penyertaan tenaga kerja tempatan, tetapi juga mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

Negeri Sembilan yang dijangka mencapai status “negeri menua” menjelang tahun 2030 perlu lebih proaktif dalam menyediakan pelan jangka panjang berkaitan penjagaan warga emas, kesihatan awam, sokongan sosial dan infrastruktur mesra penuaan. Dalam masa yang sama, potensi *silver economy* wajar dimanfaatkan dengan menggalakkan penglibatan warga emas dalam pasaran buruh secara sukarela atau separuh masa. Penyertaan golongan ini dapat menyumbang kepada produktiviti negeri di samping memastikan pengalaman dan kepakaran mereka dapat dikongsi bersama generasi muda.

Pelaksanaan dasar dan inisiatif yang dicadangkan ini akan lebih berkesan sekiranya disokong dengan kerjasama yang erat antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, NGO, sektor swasta dan pihak akademik. Platform libat urus berterusan perlu diwujudkan agar dasar dan program yang digubal benar-benar berpaksikan data serta bersifat inklusif. Dalam masa yang sama, usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan keluarga, nilai keibubapaan serta keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan keluarga perlu digerakkan secara menyeluruh melalui media, pendidikan formal dan program komuniti.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan ini diharap dapat menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri Sembilan dalam mengurus cabaran kependudukan semasa, sekali gus memastikan pembangunan sosioekonomi negeri dapat dilaksanakan dengan lebih mampan, berdaya saing dan berpaksikan kesejahteraan keluarga.

7.0 PROMOSI

Promosi bagi Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025 dilaksanakan melalui pelbagai medium komunikasi bagi memastikan maklumat program disebarluaskan secara menyeluruh dan berkesan kepada golongan sasaran. Strategi promosi yang dilaksanakan merangkumi pendekatan media cetak, media massa dan media sosial yang berperanan saling melengkapi antara satu sama lain dalam menonjolkan objektif serta tema dalam keterlibatan rakan kerjasama strategik.

7.1 MEDIA CETAK

Promosi melalui media cetak dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat rasmi dan memastikan jemputan program sampai kepada sasaran utama secara formal dan teratur. Surat jemputan rasmi telah diedarkan kepada pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta rakan strategik yang berkaitan dalam bidang kependudukan, kesihatan, dan ekonomi.

Selain itu, banner dan bunting promosi juga turut dipasang di sekitar kampus Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM. Manakala poster penceramah juga dicetak dan dipamerkan di lokasi strategik termasuk di dalam bangunan akademik dan di setiap lif fakulti. Pendekatan promosi bercetak ini kekal relevan sebagai saluran komunikasi rasmi yang memperkukuh imej profesional penganjur di peringkat negeri.

Di samping bahan bercetak, pihak urus setia turut melaksanakan beberapa siri kunjungan hormat dan sesi perbincangan rasmi ke agensi strategik terpilih seperti Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan, KPJ Healthcare University dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Kunjungan ini berfungsi sebagai medium promosi bersemuka yang bukan sahaja menyampaikan maklumat mengenai Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025, malah memperkukuh jaringan kerjasama strategik rentas agensi bagi menjayakan penganjuran program.

Melalui sesi libat urus ini, urus setia berpeluang menjelaskan objektif, tema serta pengisian seminar secara lebih terperinci, di samping mendapatkan pandangan awal mengenai potensi penglibatan agensi sebagai penceramah, ahli panel, pempamer dan rakan promosi. Pendekatan ini membantu memastikan seminar yang dianjurkan benar-benar bersifat inklusif, responsif terhadap keperluan semasa serta disokong kuat oleh pelbagai pihak berkepentingan di peringkat negeri.



SIARAN MEDIA

KESEJAHTERAAN KELUARGA DAN DAYA SAING EKONOMI JADI FOKUS UTAMA SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN

NILAI, 24 Julai 2025 – Dalam mendepani cabaran demografi dan tren penurunan kadar kesuburan tempatan, aspek kesejahteraan keluarga dan daya saing ekonomi menjadi fokus utama Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025.

Perkara ini dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, YB Dato' Noorzunita Begum Mohd. Ibrahim ketika merasmikan seminar tersebut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Menurut YB Dato' Noorzunita Begum, data unjuran semasa menunjukkan Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di Negeri Sembilan berada pada anggaran 1.8 anak bagi setiap wanita, iaitu di bawah paras penggantian 2.1. Walaupun Negeri Sembilan kini mempunyai kumpulan penduduk produktif (15-64 tahun) yang besar seramai 823,200 orang, tren penurunan kadar kesuburan ini jika tidak ditangani akan memberi tekanan kepada sektor industri dan perkhidmatan pada masa akan datang.

Beliau turut menegaskan, perubahan struktur penduduk melalui penurunan kadar kesuburan mempunyai impak langsung terhadap daya saing ekonomi Negeri Sembilan. Kekurangan tenaga kerja muda akan memberi tekanan kepada sektor industri dan perkhidmatan, manakala beban tanggungan sosial juga akan meningkat.

“Semoga hasil pembentangan dan perbincangan pada seminar ini mampu memberi manfaat kepada semua, khususnya dalam penggubalan dasar dan pembangunan program intervensi bersesuaian berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif oleh Kerajaan Negeri,” kata YB Dato' Noorzunita.

Seminar ini merupakan anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan dengan kerjasama strategik USIM, Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan, KPJ Healthcare University dan Univerisiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seremban. Seminar turut dihadiri oleh Encik Adzmel bin Mahmud, Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN dan Encik Azlan Shah bin Nazrudin, Pengarah LPPKN Negeri Sembilan.

Disediakan oleh:

UNIT PENERANGAN DAN PENDIDIKAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
Negeri Sembilan



Rajah 7.1.1 Kunjungan hormat ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia bagi sesi perbincangan sambutan hari penduduk pada 6 Mac 2025.



Rajah 7.1.2 Kunjungan hormat dan Sesi Perbincangan rasmi ke Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan pada 22 April 2025.



Rajah 7.1.3 Kunjungan hormat ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM pada 15 Mei 2025



Rajah 7.1.4 Kunjungan hormat ke Unit Perancang Ekonomi negeri (UPEN) Negeri Sembilan pada 26 Mei 2025



Rajah 7.1.5 Sesi perbincangan bersama Penolong Pendaftar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM bagi membincangkan secara details tentang kerjasama yang diperlukan dan melawat tapak pada 27 Mei 2025.



Rajah 7.1.6 Kunjungan hormat ke KPJ Healthcare University pada 12 Jun 2026.



Rajah 7.1.7 Kunjungan hormat ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seremban Cawangan Negeri Sembilan pada 25 Jun 2025.



Rajah 7.1.8 Mesyuarat Jawatankuasa Dalaman



Rajah 7.1.9 Mesyuarat JK Pelaksana Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM.

7.2 MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL

LPPKN Negeri Sembilan
21 July · 🌐

🌟 SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

📅 Tarikh: 24 Julai 2025 (Khamis)
🕒 Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang
📍 Lokasi: Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

💡 Seminar bertemakan: "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

👤 Antara pengisian utama & barisan panel pakar:

- Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI)
- Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Keparakan Subfertiiliti, LPPKN

🗣️ Sesi Plenari:

- 📌 Topik 1: Obesity, Subfertility and Fetal Programming: A Vicious Cycle
Dr. Nur Zaireena Zainal
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM
- 📌 Topik 2: Transisi Demografi dan Kesan terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia
Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM
- 📌 Topik 3: Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara
Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain
Pensyarah/ Penyelidik, KPJ Healthcare University

🗣️ Forum Kependudukan:

- Moderator: Encik Ahmad Hashimi Mohammad
Ketua Unit Data Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN
- 📌 Panel 1: Puan Razmona binti Abdul Razak
Timbalan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan
- 📌 Panel 2: Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri
Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia
- 📌 Panel 3: Dr. Harry Surya Rangkuti
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM

Anjuran Bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan (DOSM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) & KPJ Healthcare University

👉 Semua dijemput hadir untuk mendapatkan informasi & pencerahan tentang isu kependudukan, kesuburan, dan kesihatan keluarga.

#HariPendudukSedunia2025 #LPPKN #USIM #NegeriSembilan #SeminarKependudukan #BuAI

SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
"Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

24 JULAI 2025 | 2.00 PETANG - 3.30 PETANG
AUDITORIUM FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN, USIM

FORUM: "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI)
Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Keparakan Subfertiiliti, LPPKN

SESI PLENARI

- TOPIK 1:** Obesity, Subfertility and Fetal Programming: A Vicious Cycle
Dr. Nur Zaireena Zainal
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM
- TOPIK 2:** Transisi Demografi dan Kesan terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia
Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM
- TOPIK 3:** Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara
Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain
Pensyarah/ Penyelidik, KPJ Healthcare University

ENCIK AHMAD HASHIMI MOHAMMAD
MODERATOR
Ketua Unit Data Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM BIN WAN MOHD NAJURI
PANEK 2
Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia

DR. HARRY SURYA RANGKUTI
PANEK 3
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM

Instagram

Instagram

Log In

Sign Up

Log In Sign Up

lppknnerisembilan · Follow

lppknnerisembilan · 17w

🌟 SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

"Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

24 JULAI 2025 | KHAMIS 9.00 PAGI - 11.00 PAGI
Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI)
Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Keparakan Subfertiiliti, LPPKN

SESI PLENARI

- TOPIK 1:** Obesity, Subfertility and Fetal Programming: A Vicious Cycle
Dr. Nur Zaireena Zainal
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM
- TOPIK 2:** Transisi Demografi dan Kesan terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia
Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM
- TOPIK 3:** Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara
Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain
Pensyarah / Penyelidik, KPJ Healthcare University

👉 Seminar bertemakan: "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

👤 Antara pengisian utama & barisan panel pakar:

- Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI)

1 like
July 21
Log in to like or comment.

lppknnerisembilan · Follow

lppknnerisembilan · 17w

🌟 SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

"Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

24 JULAI 2025 | 2.00 PETANG - 3.30 PETANG
AUDITORIUM FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN, USIM

FORUM: "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI)
Dr. Wan Hilya Munira Mustapha
Ketua Pusat Keparakan Subfertiiliti, LPPKN

SESI PLENARI

- TOPIK 1:** Obesity, Subfertility and Fetal Programming: A Vicious Cycle
Dr. Nur Zaireena Zainal
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM
- TOPIK 2:** Transisi Demografi dan Kesan terhadap Sumber Tenaga Buruh di Malaysia
Profesor Madya Dr. Zurina Kefeli @ Zulkefli
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM
- TOPIK 3:** Kesihatan Wanita dan Daya Saing Ekonomi: Transformasi Digital dalam Kesedaran Kanser Payudara
Prof. Ts. Dr. Norhayati Mohd Zain
Pensyarah / Penyelidik, KPJ Healthcare University

ENCIK AHMAD HASHIMI MOHAMMAD
MODERATOR
Ketua Unit Data Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM BIN WAN MOHD NAJURI
PANEK 2
Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia

DR. HARRY SURYA RANGKUTI
PANEK 3
Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, USIM

👉 Seminar bertemakan: "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh"

👤 Antara pengisian utama & barisan panel pakar:

- Taklimat Kesuburan dan Program Bantuan IUI & Advokasi Infertiliti (BuAI)

1 like
July 21
Log in to like or comment.

SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

LPPKN Negeri Sembilan 24 Jul · 🌐

24 Julai 2025 | Khamis
 Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia... See more



You, Daus Dochie + 16 10 shares

DOSM Negeri Sembilan 24 Jul · 🌐

Khamis, 24 Julai 2025
 Seminar Kependudukan Sambuta... See more



Department of Statistics, Malaysia + 36 7 shares

DOSM Negeri Sembilan 28 Jul · 🌐

Sekalung penghargaan terima kasih kepada YB Dato' Noorzunita Begum Mohd Ibrahim, Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan di atas kesudian ke tapak pameran DOSM Negeri Sembilan bersempena Seminar Kependudukan 2025 di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains, USIM pada 24 Julai 2025.

#DOSMNegeriSembilan
 #teamstats9
 #BersihMuafakatSejahtera



17 3 shares 610 views

DOSM Negeri Sembilan 24 Jul · 🌐

Khamis, 24 Julai 2025
 DOSM Negeri Sembilan telah dije... See more



28 1 comment 3 shares

SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN SEMPERA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

DOSM Negeri Sembilan
24 July

Khamis, 24 Julai 2025

Seminar Kependudukan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan anjuran LPPKN Negeri Sembilan telah diadakan di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Puan Noorzunita Begum Mohd Ibrahim, Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan.

DOSM Negeri Sembilan merupakan antara agensi yang dijemput untuk bekerjasama sempena seminar ini. Seminar ini merupakan antara aktiviti Road To HSN bagi peringkat DOSM Negeri Sembilan.

Pengarah DOSM Negeri Sembilan, Encik Mohd Sawal bin Shakimon turut hadir bersama sebagai jemputan khas sepanjang seminar ini berlangsung. Lebih menarik lagi, Encik Wan Mohd Shahrulrizam bin Wan Mohd Najui, Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Ibu Pejabat Department of Statistics, Malaysia turut hadir sebagai salah seorang panel jemputan bagi Forum Kependudukan yang berlangsung pada sesi petang.

Sesi pameran turut diteruskan dengan kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus hadir ke auditorium ini.

Terima kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sembilan diatas jemputan dan kolaborasi bersama ini. Sesungguhnya, begitu banyak ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang sesi ini berlangsung.

#StatsMalaysia
#DOSMNegeriSembilan
#BersihMajafakatSejahtera
#teamstats9

+23

37 7 shares

fpskusimofficial • Follow

fpskusimofficial 16w
24 Julai 2025 | Khamis
Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan

Bertemakan "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh", seminar ini telah berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 🇲🇾

39 likes
July 26

Log in to like or comment.

fpskusimofficial • Follow

fpskusimofficial 16w
24 Julai 2025 | Khamis
Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan

Bertemakan "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh", seminar ini telah berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 🇲🇾

39 likes
July 26

Log in to like or comment.

fpskusimofficial • Follow

fpskusimofficial 16w
24 Julai 2025 | Khamis
Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan

Bertemakan "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh", seminar ini telah berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 🇲🇾

39 likes
July 26

Log in to like or comment.

fpskusimofficial • Follow

fpskusimofficial 16w
24 Julai 2025 | Khamis
Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan

Bertemakan "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh", seminar ini telah berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 🇲🇾

39 likes
July 26

Log in to like or comment.

DOSM Negeri Sembilan
@DOSMN9

Khamis, 24 Julai 2025

Seminar Kependudukan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan anjuran LPPKN Negeri Sembilan telah diadakan di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

[Translate post](#)

9:33 PM · Jul 24, 2025 · 57 Views

1

Instagram

fpskusimofficial • Follow

fpskusimofficial 16w
24 Julai 2025 | Khamis
Seminar Kependudukan Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan

Bertemakan "Kesuburan dan Daya Saing Ekonomi: Memahami Kesan Terhadap Pasaran Buruh", seminar ini telah berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 🇲🇾

39 likes
July 26

Log in to like or comment.

7.3 LIPUTAN MEDIA

7.3.1 PENURUNAN KADAR KESUBURAN FOKUS UTAMA PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN –Berita RTM, 24 Julai 2025

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penurunan-kadar-kesuburan-fokus-utama-pembangunan-negeri-sembilan>



Utama Nasional Laporan Khas Ekonomi Jenayah Dunia Sukan Hiburan



Foto FB DOSM Negeri Sembilan

NILAI, 24 Julai – Kerajaan Negeri Sembilan terus komited mewujudkan persekitaran kondusif dasar inklusif dan sokongan yang menyeluruh bagi merealisasikan impian golongan muda untuk membina keluarga, sekali gus menangani trend penurunan kadar kesuburan di negeri itu.

Exco Wanita Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Datuk Noorzunita Begum ketika berucap menyatakan, meskipun negeri itu kini mempunyai jumlah penduduk produktif yang tinggi seramai 823,200 orang yang berumur antara 15 hingga 64 tahun, namun penurunan kadar kesuburan perlu diberi perhatian kerana berpotensi menjejaskan kelestarian sektor industri dan perkhidmatan pada masa hadapan.

"Dalam menghadapi cabaran semasa, kita perlu menggalakkan dasar mesra keluarga bagi menstabilkan kadar kesuburan. Pelaburan dalam pendidikan, latihan kemahiran serta program mempelajari kemahiran baharu (reskilling) dan meningkatkan kemahiran sedia ada (upskilling) juga penting untuk belia dan dewasa.

"Negeri Sembilan, di bawah kepimpinan Menteri Besar, telah melaksanakan banyak inisiatif seperti Rumah Mampu Milik dan Rumah Harapan untuk memastikan anak negeri tidak perlu berhijrah mencari kerja di luar. Usaha menarik kembali bakat luar juga sedang giat dijalankan," katanya ketika berucap pada Program Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025 bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Negeri di Auditorium Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini.

Dalam pada itu, data unjuran semasa menunjukkan tren penurunan bagi Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di negeri itu berada pada anggaran 1.8 anak bagi setiap wanita, di bawah paras penggantian 2.1.

7.3.2 NEGERI SEMBILAN KOMITED TANGANI ISU KESUBURAN – Berita RTM, 26 Julai 2025

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/negeri-sembilan-komited-tangani-isu-kesuburan>



Utama Nasional Laporan Khas Ekonomi Jenayah Dunia Sukan Hiburan P

Nasional - Dicipta: 26 Julai 2025 10:20 PM



Datuk Noorzunita selepas merasmikan Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025 di USIM, Nilai.

NILAI, 26 Julai – Kerajaan Negeri Sembilan komited mewujudkan persekitaran kondusif dan dasar mesra keluarga bagi menggalakkan golongan muda membina keluarga serta menangani trend penurunan kadar kesuburan di negeri itu.

Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Noorzunita Begum berkata, walaupun Negeri Sembilan mempunyai lebih 823,200 penduduk produktif berumur antara 15 hingga 64 tahun, kadar kesuburan yang semakin menurun membimbangkan kerana ia boleh menjejaskan kelestarian tenaga kerja negeri dalam jangka panjang.

“Penting untuk kita melaksanakan dasar inklusif seperti perumahan mampu milik, pendidikan dan latihan kemahiran (reskilling & upskilling) serta galakan kepada anak-anak Negeri Sembilan yang bekerja di luar untuk kembali berkhidmat di negeri sendiri,” katanya.

Menurut beliau, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah kepimpinan Menteri Besar Negeri Sembilan, antaranya Dasar Perumahan Harapan dan Rumah Mampu Milik untuk memastikan anak tempatan tidak perlu berhijrah jauh demi kelangsungan hidup.




Datuk Noorzunita berkata demikian ketika merasmikan Seminar Kependudukan Negeri Sembilan 2025 sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Negeri di USIM, di sini.

Setakat ini, kadar kesuburan di Negeri Sembilan dianggarkan hanya 1.8 anak bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian semula iaitu 2.1.




8.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN



MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN



9.0 SOROTAN BERGAMBAR

9.1 PENDAFTARAN PESERTA

Pendaftaran peserta Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan.



9.2 SESI PEMBENTANGAN



SESI KUIZ INTERAKTIF



9.3 SESI FORUM



9.4 PAMERAN

Peserta turut berpeluang mengunjungi booth pameran yang disediakan sepanjang penganjuran Seminar Kependudukan bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 Peringkat Negeri Sembilan. Antara agensi dan institusi yang terlibat ialah Klinik Nur Sejahtera LPPKN yang memfokuskan kepada Program BuAI, Jabatan Perangkaan Malaysia yang mempamerkan data-data kependudukan terkini, serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang menampilkan peranan serta inisiatif masing-masing dalam pembangunan masyarakat dan keluarga. Pameran ini bukan sahaja memperkayakan pengisian seminar, malah memberikan peserta akses langsung kepada maklumat, perkhidmatan dan sokongan yang relevan dengan isu kependudukan dan kesejahteraan keluarga.



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI SEMBILAN SEMENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025



